

20 JAN 2002

Ali-Air

MELAKA KERUGIAN 35 PERATUS AIR SETAHUN

ALOR GAJAH, 20 Jan (Bernama) -- Melaka kehilangan 35 peratus daripada bekalan airnya setiap tahun akibat paip bocor yang lambat dibaiki, kata Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam hari ini.

Untuk mengatasi masalah itu serta mengurangkan kadar kerugian itu ke paras 20 peratus, kerajaan mengarahkan sebuah anak syarikat Perbadanan Air Melaka (PAM) supaya membuat rondaan setiap masa bagi mengenal pasti paip-paip yang bocor untuk dibaiki segera, katanya.

"Ada di negara maju, kerugian bekalan air bersih mereka ialah 15 peratus setahun dan jika Melaka mencapai sasaran 20 peratus kerugian itu, ia sudah mencapai tahap yang baik memandangkan kita ingin menjadi negeri maju pada tahun 2010," katanya kepada pemberita pada Hari Keluarga PAM di Empangan Durian Tunggal di sini hari ini.

Mohd Ali yang juga Pengerusi PAM berkata perbadanan itu sedang menggantikan 60 peratus daripada paip-paip lama di seluruh negeri.

Beliau juga berkata empangan Jus di Jasin yang dijangka siap tahun depan, dijangka dapat menampung keperluan air di seluruh Melaka sehingga tahun 2010.

"Sekarang kita masih mengepam air dari Sungai Kesang dan Gersik di Johor untuk disalurkan kepada penduduk terutamanya pada musim panas," katanya.

Keperluan air di Melaka ialah 60 juta liter sehari yang dibekalkan melalui empangan Durian Tunggal dan Sungai Muar.

Mengenai kemenangan Barisan Nasional pada pilihan raya kecil kawasan Indera Kayangan di Perlis semalam, Mohd Ali berkata ia membuktikan rakyat negara ini menolak pendekatan reformasi pembangkang yang memperjuangkan individu tertentu.

"Kemenangan itu juga membuktikan rakyat menyokong usaha kerajaan terutamanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berusaha menolak politik berbentuk keganasan," katanya ketika diminta mengulas mengenai kemenangan calon BN, Ooi Ah Lan.

Ooi mengalahkan calon Parti Keadilan Nasional Khoo Yang Chong dengan kelebihan 2,592 undi.

-- BERNAMA

SBS MAI